

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

ATW 103 – Undang-Undang Perniagaan

Masa: 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan. Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan yang relevan dan seksyen daripada mana-mana akta berkanun yang relevan.

Feb. / mac 2001

[ATW103]

Soalan 1 (52 markah)

(a) Ali bercadang menjual rumahnya kepada Bakar. Ali memberitahu Bakar bahawa rumahnya dalam keadaan yang elok dan bebas daripada serangan anai-anai. Apabila Ali membuat pernyataan tersebut dia mengetahui bahawa pernyataan tersebut tidak benar. Selepas Bakar membeli rumah tersebut dan wang belian sebanyak RM300,000 dibayar kepada Ali, beliau mendapati bahawa pernyataan Ali palsu.

- (i) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Bakar dari segi perundangan kontrak? Berikan alasan anda;
- (ii) Andaikan Ali telah membuat salah nyataan berunsur jujur. Ali juga membenarkan Bakar memeriksa rumah tersebut dengan memberikannya kunci rumah. Sekiranya Bakar menjalankan pemeriksaan beliau akan mendapati bahawa pernyataan Ali pada masa kontrak dimasuki tidak benar. Walaubagaimanapun, Bakar tidak membuat sebarang pemeriksaan dan selepas kontrak dimasuki beliau mendapati bahawa pernyataan Ali adalah tidak benar. Apakah hak Bakar dari segi perundangan kontrak?

[8 markah]

(b) Ali ialah seorang pembantu di hospital. Tugasnya ialah melayani pesakit-pesakit di wad 12. Beliau amat rapat dengan seorang pesakit di situ dan sentiasa membantunya baik sewaktu kerja atau selepas bekerja. Pesakit tersebut bergantung kepada Ali bagi hampir semua keperluannya. Tidak lama kemudian A telah meminta pesakit tersebut menandatangani satu perjanjian yang menyebabkan rumah si pesakit dijual kepada A dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran.

- (i) Apabila keadaan si pesakit semakin pulih beliau tidak berpuashati dengan kontrak yang telah dimasuki dan meminta nasihat anda tentang haknya dari segi perundangan untuk membatalkan kontrak tersebut. Anda dikehendaki menasihatinya;
- (ii) Andaikan anda mewakili pembantu hospital tersebut, bagaimanakah anda memastikan kontrak tersebut dikekalkan. Anda dikehendaki menasihatinya.

[6 markah]

[8 markah]

(b) Alpha, Beta dan Gamma ialah rakan-rakan di Firma Sunshine. Perniagaan firma tersebut ialah menjual kain batik sahaja. Melalui perjanjian perkongsian antara mereka, Gamma tidak diberi kuasa untuk memesan bekalan kain batik yang baru bagi pihak firma. Walaubagaimanapun, Gamma telah memasuki kontrak membeli bekalan kain batik yang baru bagi pihak firma daripada Mak Eno. Gamma gagal membayar wang belian tersebut. Adakah Alpha dan Beta bertanggungjawab kepada Mak Eno dalam kes ini? Nasihat mereka berdasarkan perundangan perkongsian.

[4 markah]

....3/-

- (c) Azlan bersetuju menjual 'kacang soya' kepada Bakar. Penghantaran akan dibuat pada bulan September 2000 dari Penang ke Kuala Lumpur menggunakan van. Van tersebut akan menggunakan lebuh raya utara selatan untuk sampai ke destinasiya. Pada masa van sepatutnya bertolak ke Kuala Lumpur, Azlan menerima berita bahawa lebuh raya tidak dapat digunakan kerana kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan. Walaubagaimanapun, jalan lama masih boleh digunakan untuk sampai ke Kuala Lumpur. A tidak ingin meneruskan obligasinya berdasarkan kontrak yang telah dimasuki kerana katanya kontrak telah dikecewakan.
- (i) Jelaskan dengan ringkas kesan seksyen 57(2) Akta Kontrak 1950;
 - (ii) Bilakah doktrin kekecewaan diaplikasi?;
 - (iii) Apakah kesan kepada kontrak jika doktrin kekecewaan diaplikasi?;
 - (iv) Adakah A dapat bergantung kepada doktrin kekecewaan? Berikan penjelasan ringkas.

[14 markah]

- (d) Tuliskan nota-nota ringkas tentang semua perkara berikut. Jawapan anda mesti diperkukuhkan dengan kes yang relevan dari segi perundangan:
- (i) perbezaan antara iklan yang merupakan tawaran dan iklan yang merupakan jemputan untuk tawaran;
 - (ii) perbezaan antara syarat dan waranti dalam sesuatu kontrak
 - (iii) perbezaan antara kesilapan bersama dan kesilapan saling dan kesannya terhadap sesuatu kontrak;
 - (iv) peraturan dalam kes *Hadley v Baxendale* yang mesti dipatuhi apabila menuntut ganti rugi mengikut seksyen 74 Akta Kontrak 1950

[24 markah]

Soalan 2 (18 markah)

- (a) Halim memasuki kontrak mengangkut barangan milik Maidin dari India ke Malaysia dengan menggunakan kapal milik Halim yang bernama 'Hang Jebat'. Apabila kapal Halim berhenti di Burma, Halim mendapati bahawa sebahagian barangan milik M sudah mula rosak. Anda merupakan seorang penumpang kapal Halim pada masa itu. Apakah nasihat anda kepadanya dari segi perundangan ejensi.

[8 markah]

- (b) Alpha, Beta dan Gamma ialah rakan kongsi di Firma Sunshine. Perniagaan firma tersebut ialah menjual kain batik sahaja. Mengikut perjanjian perkongsian antara mereka, Gamma tidak diberi kuasa untuk memesan bekalan kain batik yang baru bagi pihak firma. Walaubagaimanapun, Gamma telah memasuki kontrak membeli bekalan kain batik yang baru bagi pihak firma daripada Mak Enon. Gamma gagal membayar wang belian tersebut. Adakah Alpha dan Beta bertanggungjawab kepada Mak Enon dalam kes ini? Nasihati mereka berdasarkan perundangan perkongsian.

[4 markah]

[ATW103]

- (c) Jelaskan dengan ringkas bagaimana pelantikan ejen secara estoppel dan pelantikan ejen secara ratifikasi/pengesahan berlaku. [6 markah]

Soalan 3 (16 markah)

- (a) Anda bekerja di Syarikat Mui Finance dan salah seorang pelanggan anda telah gagal membayar dua ansuran bulanan berturut-turut mengikut terma-terma perjanjian sewa beli kereta yang dimasuki dengan syarikat anda. Nasihati syarikat anda berkenaan hak-haknya dari segi perundangan sewa beli. [4 markah]

[6 markah]

- (b) Akbar telah mendapatkan polisi insurans kenderaan yang memberikan pampasan kewangan sekiranya berlaku kerosakan kepada motor, kecederaan diri dan kecederaan kepada pihak ketiga. Akbar semasa memandu kenderaannya terlibat dalam kemalangan yang mengakibatkan kematian pihak ketiga dalam kemalangan tersebut. Kemalangan berlaku kerana kecuaiannya. Semasa memproses tuntutan Akbar untuk pampasan kewangan berdasarkan polisi insurans, syarikat insurans mendapati bahawa Akbar pernah disaman kerana memandu kenderaan tanpa lesen. Nasihati syarikat insurans sama ada ia boleh menolak liabiliti berdasarkan kegagalan Akbar mendedahkan fakta tersebut. [5 markah]

[5 markah]

- (c) Jelaskan dengan ringkas kesan kemasukan **klausula pengecualian daripada liabiliti** dalam kontrak insurans terhadap pihak-pihak kepada kontrak insurans dengan memberikan kes perundangan yang relevan. [5 markah]

[5 markah]

Soalan 4 (14 markah)

- (a) Jelaskan dengan ringkas bagaimana anda boleh niagakan bil penukaran yang mesti dibayar kepada pembawa dan bil penukaran yang mesti dibayar mengikut perintah. Berikan ilustrasi ringkas yang menunjukkan perbezaan antara kedua-dua jenis bil penukaran tersebut dalam jawapan anda. [4 markah]

[4 markah]

- (b) Beberapa syarat tersirat dalam sesuatu kontrak untuk jualan berdasarkan Akta Jualan Barangan 1957. Terangkan tiga daripada syarat-syarat tersebut. [6 markah]

[6 markah]

[ATW103]

- (c) Ali telah menjual keretanya kepada Bakar. Kontrak untuk jualan tersebut dipengaruhi oleh unsur pengaruh tidak wajar daripada pihak Bakar. Mengikut seksyen 19 dan seksyen 20 Akta Kontrak jika wujud pengaruh tidak wajar daripada pihak Bakar maka Ali mempunyai opsyen membatalkan kontrak tersebut. Bakar pula telah menjual kereta tersebut kepada Carin. Selepas jualan kepada Carin barulah Ali melaksanakan opsyen untuk membatalkan kontrak untuk jualan yang telah dimasukinya dengan Bakar. Oleh sebab opsyen pembatalan telah dilaksanakan, Ali mendakwa bahawa milikan Bakar defektif dan hal ini menyebabkan milikan Carin juga defektif. Dalam kes ini adakah prinsip *nemo dat quod non habet* diaplikasi. Dalam jawapan anda berikan penjelasan ringkas berkenaan prinsip tersebut.

[4 markah]

- 0000000 -

